

**Lapan Exco Kedah Terima Pelantikan Semula
Bernama
27 Februari , 2012**

ALOR SETAR, 27 Feb (Bernama) -- Lapan anggota exco kerajaan negeri Kedah menerima tawaran pelantikan semula untuk menyandang jawatan berkenaan bagi 2012 dan akan mengangkat sumpah di Istana Anak Bukit di sini Selasa.

Mereka ialah Datuk Ir Amiruddin Hamzah, Datuk Mohamed Taulan Mat Rasul, Lim Soo Nee, Abd Ghani Ahmad, Tan Joon Long @ Tan Chow Kang, Datuk Dr Hamdan Mohamed Khalib, Siti Aishah Ghazali dan S. Manikumar.

Difahamkan mereka menerima surat pelantikan masing-masing pada 12 tengah hari Isnin, dan semua exco berkenaan mengesahkan untuk hadir ke majlis angkat sumpah itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648329>